

KENYATAAN JUALAN LELONGAN ASET ALIH KERAJAAN

Dimaklumkan bahawa **MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA** akan mengadakan jualan lelongan seperti berikut:-

SESI PERTAMA	
TARIKH	15 April 2019 (Isnin)
JENIS ASET	Kenderaan
MASA	Mulai jam : 9.00 pagi (Pendaftaran) 10.30 pagi (Lelongan)
TEMPAT	Pusat Inovasi Petaling Jaya, Lot 54822, Jalan Teknologi, Taman Sains Selangor, Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
SESI KEDUA	
TARIKH	16 April 2019 (Selasa)
JENIS ASET	Motorsikal
MASA	Mulai jam : 9.00 pagi (Pendaftaran) 10.30 pagi (Lelongan)
TEMPAT	Pusat Inovasi Petaling Jaya, Lot 54822, Jalan Teknologi, Taman Sains Selangor, Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

2. **Senarai aset yang akan dilelong adalah seperti di KEW.PA-27 (A) Semua aset boleh dilihat pada tarikh 08 April 2019 – 12 April 2019 di alamat Pusat Inovasi Petaling Jaya, Lot 54822, Jalan Teknologi, Taman Sains Selangor, Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan di antara jam 9.30 pagi – 4.30 petang.**
3. **Syarat dan peraturan lelongan adalah seperti berikut:-**
 - (i) **Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan**
 - (ii) **Pembida yang berminat untuk menyertai lelongan, perlu mendaftar dengan Urusetia Pelelong dengan memberikan Nama Penuh, No. Kad Pengenalan dan alamat kepada urusetia pelelong semasa lelongan dilakukan serta membayar deposit sebanyak 5% daripada harga simpanan atau maksima RM 1,000.00**
 - (iii) **Penawar harga tertinggi adalah pembida yang berjaya dan jika ada apa-apa perselisihan yang berbangkit mengenai penawaran yang tinggi, aset berkenaan akan dilelong semula.**

- (iv) Jabatan berhak mengubah susunan jualan tersebut di senarai KEW.PA-27(A) dan menarik balik mana-mana aset daripada senarai tersebut.
- (v) Semua aset adalah dilelong sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-it-is-basis).
- (vi) Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
- (vii) Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal ('dismantle'), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
- (viii) Pembida yang berjaya hendaklah memberitahu nama penuh, no.kad Pengenalan dan alamat kepada urusetia lelongan semasa jualan dilakukan.
- (ix) Pembayaran penuh hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelongan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit tidak akan dikembalikan.
- (x) Pembida yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh lelong, Jika tidak, Jabatan berhak untuk melupuskannya dan wang tidak akan dikembalikan.
- (xi) Segala bayaran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum aset boleh dikeluarkan dari premis Jabatan.

Untuk pertanyaan lanjut, sila berhubung dengan Encik Hairolazmi Bin Juman Shah di talian 03-79541030 atau 019 2727897.

Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Petaling Jaya